

The Makers Sempena Karnival Robotik Matrikulasi 'ROBOTRIX 2019' Peringkat Kebangsaan



Labuan, 25 Ogos 2019 – Sekolah kebangsaan Pekan Satu telah dinobatkan sebagai Johan The Makers sekolah-sekolah peringkat kebangsaan sekali gus merangkul pingat emas.

Pertandingan The Makers yang berlangsung di Dewan Mutiara, Matrikulasi Labuan berjaya mencungkil bakat dan keyakinan murid dalam berucap dan menerangkan di hadapan orang ramai.

Projek inovasi yang dibentangkan iaitu F.W.E Cleaner merupakan satu projek yang menguji Kemahiran Proses Sains (KPS) murid dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid.

Seramai empat orang peserta telah mewakili Sekolah

Kebangsaan Pekan Satu dalam pertandingan ini iaitu Al Basri bin Hasby (4 Bestari), Siti Nadzwiya Nadzwa binti Nadir (4 Bestari), Muhammad Armah Khan bin Amin Khan (4 Bestari) dan Arisa Ariana (4 Bestari) di bawah bimbingan Cik Izasyahira binti Duasah dan Puan Asbaidah binti Tahir sebagai jurulatih utama dan guru pengiring.



Dari kiri Al Basri bin Hasby, Siti Nadzwiya Nadzwa binti Nadir, Muhammad Armah Khan bin Amin Khan dan Arisa Ariana.

Kejayaan yang diraih adalah satu kejayaan yang membanggakan kerana ini merupakan pengalaman kali pertama murid dalam menyertai pertandingan inovasi. Kejayaan yang diperolehi juga memberi dorongan kepada murid untuk lebih yakin dengan kebolehan diri dan menilai kekurangan untuk menambahbaik projek yang mereka jalankan. Diharapkan peluang menyertai pertandingan inovasi The Makers ini berjaya membuka minda dan minat murid ke arah pembudayaan pemikiran inovatif.

Ringkasnya, pertandingan-pertandingan yang dianjurkan merupakan salah satu peluang untuk guru-guru melatih dan

mengilap bakat murid bagi membentuk kemenjadian murid dari usia muda. Diharapkan pengalaman yang murid peroleh dapat menjadikan murid lebih bersedia bagi menghadapi persaingan yang lebih hebat di peringkat yang lebih tinggi kelak. Syabas dan tahniah kepada para peserta kerana berani menyahut cabaran yang diberikan.



Murid dan guru pengiring bersama-sama dengan juri pertandingan.



Murid bersungguh-sungguh membentangkan projek inovasi F.W.E Cleaner kepada para juri.